

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 21.5.2015**

**SOALAN :**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah mahasiswa-mahasiswi dari kalangan kaum India di setiap Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut kursus berbanding dengan jumlah keseluruhan di setiap bidang berkenaan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) adalah berdasarkan prinsip meritokrasi, iaitu markah merit calon yang berjaya untuk ditawarkan adalah berasaskan 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Berdasarkan prinsip meritokrasi, hanya calon atau pemohon yang memperoleh markah merit tertinggi, layak dipertimbangkan dan ditawarkan tempat di IPTA, tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal.

Selain itu, calon atau pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian, kriteria-kriteria pemilihan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh IPTA.

Berdasarkan statistik pendidikan tinggi sesi 2014/2015, komposisi enrolmen pelajar IPTA bertaraf warganegara ialah 88.4 peratus bumiputera dan 11.6 peratus bukan bumiputera mengikut sembilan (9) bidang pengajian utama, iaitu:

- (a) program asas;
- (b) pendidikan;
- (c) sastera dan kemanusiaan;
- (d) sains sosial, perniagaan dan perundangan;
- (e) sains, matematik dan komputer;
- (f) kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan;
- (g) pertanian, perhutanan dan perikanan;
- (h) kesihatan dan kebajikan; dan
- (i) perkhidmatan.

RJM23